

**KAJIAN KE ATAS CIRI-CIRI KONTRAKTOR
TEMPATAN KE LUAR NEGARA**

WAN ADLI BIN WAN YUSOF

**Projek Sarjana Muda Untuk Memenuhi Syarat Penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan (Kepujian)**

**JABATAN UKUR BAHAN
FAKULTI ALAM BINA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

2000

ABSTRAK

Sektor pembinaan merupakan sektor yang ketiga penting dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Kegawatan yang melanda ekonomi negara pada tahun 1997 hingga tahun 1999 telah memberi kesan yang besar kepada sektor pembinaan iaitu kemerosotan yang mendadak sehingga -19.2% pada tahun 1998. Hal ini menyebabkan berlaku pengurangan penawaran dalam industri binaan tempatan. Oleh itu kerajaan telah menyarankan supaya syarikat kontraktor tempatan ini melibatkan diri dalam pasaran antarabangsa yang menawarkan banyak peluang-peluang pembinaan. Saranan ini merupakan galakan dan ianya harus direbut oleh syarikat kontraktor tempatan untuk menceburi pasaran antarabangsa. Oleh itu penyelidikan yang dibuat bertujuan untuk mengenalpasti ciri-ciri syarikat kontraktor yang pernah menjalankan projek pembinaan di luar negara iaitu dari lima ciri-ciri yang utama kontraktor yang telah dikenalpasti dari sesi temubual dan bahan rujukan. Ciri-ciri utama kontraktor yang dikaji adalah dari segi pengalaman, kepakaran, kewangan, kakitangan dan Teknologi. Perkara yang selanjutnya yang hendak dikenalpasti adalah tahap penglibatan syarikat kontraktor tempatan di luar negara beserta dengan jenis projek yang pernah dilaksanakan. Seterusnya kajian yang dilakukan adalah cara atau kaedah syarikat kontraktor tempatan mendapatkan projek pembinaan di luar negara. Daripada hasil kajian didapati kontraktor yang dikaji memenuhi ciri-ciri yang dikaji, iaitu mempunyai pengalaman yang lama dalam industri pembinaan, berkepakaran tinggi dalam bidang tertentu, kedudukan kewangan yang besar dan kukuh, mempunyai bilangan kakitangan yang ramai dan juga bilangan teknologi yang banyak. Kajian juga mendapati tahap penglibatan kontraktor lebih kepada kerja-kerja kejuruteraan awam dan kebanyakan beroperasi di negara-negara Asia Tenggara dengan mendapat kontrak melalui kaedah kerjasama dan jenis kontrak yang dilaksanakan juga adalah secara kerjasama. Oleh itu dengan kajian yang dilakukan ini akan dapat memberi sedikit sebanyak panduan kepada syarikat kontraktor tempatan lain yang berminat untuk menerokai pasaran luar negara.